

PM bangkit isu EU sekat produk, minyak sawit

Malaysia optimis terus lindungi alam sekitar seiring kemajuan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kebimbangan Malaysia terhadap sekatan minyak sawit dan produk berasaskan ko-

moditi itu yang dikenakan Kesatuan Eropah (EU) antara isu dibincangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pertemuannya dengan Presiden Jerman, Frank-Walter Steinmeier, semalam.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia tegas bahawa usaha untuk melindungi alam sekitar dan fokus terhadap tenaga boleh diperbaharui tidak seharusnya mengorbankan ekonomi negara.

Beliau yang sebelum itu mengadakan pertemuan dengan



Anwar menerima kunjungan hormat Steinmeier di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Steinmeier kira-kira sejam, berkata kedua-dua pihak perlu melihat semula peraturan produk bebas penebangan hutan yang dikenakan EU ketika ini.

“Seperti yang kita ketahui, negara ini berdepan kesukaran dalam beberapa siri perbincangan dengan EU berikutan syarat berkenaan yang dikenakan terhadap kita,” katanya pada sidang media bersama dengan Steinmeier, petang semalam.

Anwar berkata, perlu ada keadilan kepada negara dan negara serantau yang mengeksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit.

Sementara itu, Perdana Menteri menyifatkan lawatan Steinmeier ke Malaysia memberi makna cukup besar dalam mengukuhkan hubungan dua hala kedua-dua negara ke peringkat lebih tinggi, terutama dalam pentadbiran baharu Kerajaan Perpaduan.

Beliau juga amat menghargai kesudian pemimpin negara dari EU itu terhadap usaha meningkatkan kerjasama dalam beberapa bidang, terutama isu perubahan iklim dan Islamofobia.

Anwar berkata, sekian lama

Jerman adalah rakan dagangan penting Malaysia, terutama dalam aspek ekonomi yang mampu dilonjakkan lagi dengan persetujuan membawa pelaburan baharu masuk ke negara ini.

“Lawatan ini memberikan penghormatan tinggi dari negara Jerman. Bagi pihak rakan-rakan dalam Kabinet dan rakyat Malaysia keseluruhannya, saya amat berterima kasih atas kunjungan ke atas pentadbiran kerajaan baharu Malaysia.

“Kami juga menghargai persetujuan syarikat dari Jerman untuk membuat pelaburan baharu di Johor,” kata Perdana Menteri.

Terdahulu, Steinmeier tiba di Bangunan Perdana Putra pada jam 5.15 petang bagi mengadakan pertemuan rasmi dengan Anwar sebelum kedua-dua pemimpin menyertai sidang media secara bersama media tempatan dan antarabangsa.

Kelmarin, Presiden Jerman dan isteri, Elke Budenbender serta delegasi termasuk pegawai kanan, ahli perniagaan dan pengamal media mendarat di

Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi mengadakan lawatan rasmi sehingga hari ini.

Dalam lawatan rasmi tiga harinya, Steinmeier diberikan sambutan negara di pekarangan Bangunan Parlimen pagi semalam, selain turut dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara.

Sebelum ini, Kementerian Luar memaklumkan, lawatan pemimpin Jerman itu bakal memberikan peluang terbaik kepada kedua-dua negara untuk mengukuhkan hubungan baik serta kerjasama pelbagai bidang.

Jerman rakan dagangan terbesar Malaysia dalam kalangan negara EU di mana pada 2022, nilai pendapatan Malaysia dengan Jerman meningkat sebanyak 10.9 peratus dengan jumlah RM59.87 bilion berbanding RM53.99 bilion pada 2021.

Lawatan negara terakhir oleh Presiden Jerman ke Malaysia ialah 26 tahun lalu, iaitu pada April 1997.